

07 AUG 1998

Annuar-Peruntukan

PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN PERLU DIHANTAR SETIAP NOV

KOTA BAHARU, 7 Ogos (Bernama) -- Semua Kerajaan Negeri perlu menyiapkan laporan mengenai peruntukan yang diperlukan bagi program kemudahan rakyat pada setiap November mulai tahun ini supaya setiap program itu dapat dilaksanakan secepat mungkin

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata, kerajaan negeri perlu mengemukakan kepada Kementerian itu tepat pada masa supaya peruntukan dapat disediakan bagi melaksanakan program-program kemudahan rakyat.

"Dengan cara itu Kementerian juga akan mengetahui secara lebih dekat pembangunan yang perlu dilakukan supaya ia tidak lewat atau terbantut," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat khas sempena persiapan bagi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 22 Ogos ini.

Beliau berkata, sebanyak setengah bilion ringgit diperuntukkan setiap tahun oleh kerajaan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk merencanakan pelbagai program memajukan masyarakat luar bandar.

Beliau juga meminta agensi dan kontraktor yang melaksanakan program atau projek pembangunan luar bandar supaya menyiapkan projek masing-masing dengan segera.

Kalau boleh kakitangan atau pekerja terlibat perlu bekerja lebih masa demi menyiapkan projek berkenaan, katanya.

Beliau berkata, walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi program pembangunan di kawasan luar bandar tetap diteruskan bagi memastikan rakyat dapat mengukuhkan lagi tahap ekonomi mereka.

Pelaksanaan pelbagai program yang dirancangkan untuk rakyat adalah lebih baik dari semasa ke semasa agar taraf hidup rakyat lebih sempurna.

-- BERNAMA

ANM PR